



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

MESYUARAT TAHUNAN DAN SIMPOSIUM ASIAN FORENSIC SCIENCES NETWORK (AFSN) KE-15

KUALA LUMPUR, 12 September 2023 – Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi, YB Chang Lih Kang hari ini merasmikan Mesyuarat Tahunan & Simposium Asian Forensic Sciences Network (AFSN) yang ke-15. Bertemakan *Light & Shadow, Technology vs. Evidence*, program ini berlangsung bermula 11 hingga 15 September 2023 di Hotel Pullman Kuala Lumpur.

Acara ini merupakan kerjasama bersama antara Jabatan Kimia Malaysia (KIMIA Malaysia), Persatuan Sains Forensik Malaysia (FSSM) dan Asian Forensic Sciences Network (AFSN) dalam memajukan sains forensik di rantau ini. Mesyuarat dan simposium kali ini menghimpunkan seramai 450 peserta dari 72 institut sains forensik di 17 negara. Seramai 80 penceramah antarabangsa daripada institusi dan organisasi ternama akan berkongsi kepakaran mereka sepanjang simposium ini.

Mesyuarat tahunan dan simposium ini memainkan peranan penting dalam memajukan bidang sains forensik di Asia dengan memudahkan pertukaran pengetahuan dan membincangkan isu-isu forensik semasa dan untuk kemajuan teknologi. Cabaran yang berkaitan dengan bahan psikoaktif baharu dan makmal haram juga akan dibincangkan, bersama-sama dengan bengkel forensik tanah, penyiasatan tempat kejadian jenayah, analisis DNA dan banyak lagi.

YB Chang Lih Kang dalam ucapan perasmiannya, menyampaikan rasa gembira dan penghormatan yang amat besar dalam mempengerusikan perhimpunan terbilang ini, menekankan kepentingan acara itu dalam memajukan bidang sains forensik.

"Saya bangga untuk berkongsi bahawa Jabatan Kimia Malaysia, di bawah MOSTI, telah mengambil inisiatif utama dalam menganjurkan acara hebat ini. Usaha kolektif mereka dalam penyelidikan forensik dan kerjasama antarabangsa membantu meningkatkan keupayaan dan reputasi Malaysia dalam bidang sains forensik," ujar YB Chang Lih Kang.

KIMIA Malaysia merupakan sebuah agensi pakar dalam penyelesaian kes jenayah serta kes rentas sempadan, khususnya dalam mengenal pasti mayat manusia melalui pasukan Pengecaman Mangsa Bencana (DVI). Peranan KIMIA Malaysia penting dalam pengenalpastian mangsa bencana, memberikan ketenangan kepada keluarga dan menambah baik tindak balas krisis.

KIMIA Malaysia juga merupakan peneraju dalam bidang penyelidikan untuk analisis DNA, pemeriksaan dokumen, toksikologi, dadah berbahaya dan bukti surihan, di mana ia penting untuk mengekalkan undang-undang dan ketenteraman negara. KIMIA Malaysia diiktiraf sebagai hab latihan forensik antarabangsa dalam peningkatan kemahiran dan perkongsian pengetahuan di kalangan profesional forensik di luar negara. Ini dapat mengukuhkan kerjasama antarabangsa dalam penyelesaian kes jenayah dan meningkatkan profesionalisme dalam bidang forensik.

AFSN yang ditubuhkan pada 2008, menyatukan komuniti sains forensik Asia untuk membincangkan, berkongsi dan menyusun strategi berkenaan sains forensik lalu meningkatkan kualiti bidang forensik melalui jalinan kerjasama. AFSN disokong oleh badan antarabangsa seperti Office of Drugs and Crime and the Drug Enforcement Administration (DEA). Ia mempunyai jawatankuasa khusus untuk menyeragamkan kaedah saintifik, mempromosikan akreditasi dan kumpulan kerja teknikal yang didedikasikan untuk disiplin forensik seperti DNA, dadah terlarang, bukti surihan, toksikologi, penyiasatan tempat jenayah, jawatankuasa jaminan kualiti & piawaian, dokumen yang dipersoalkan, perubatan forensik, cap jari dan forensik digital.

TAMAT

Disediakan oleh:

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

12 September 2023